

NO. SOALAN: 53

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI TAN SRI DATO' MOHD
YAZID**

TARIKH : 5 APRIL 2017

RUJUKAN : 9708

SOALAN:

**Datin Mastura Binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah keberkesanan dan jumlah
pemohon terhadap pemberian "E-card" (enforcement card) untuk PATI yang
tidak mempunyai permit untuk tempoh satu tahun.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Program *Enforcement Card* (E-Kad) merupakan suatu inisiatif yang dilancarkan oleh Kerajaan bertujuan untuk memberi peluang kepada Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) tanpa dokumen perjalanan yang sah dan bekerja secara haram di Malaysia diberikan kad kebenaran bekerja sementara bagi memenuhi sektor formal yang dibenarkan. Program ini turut dirangka untuk memenuhi permintaan majikan untuk mengisi keperluan tenaga kerja di sektor pekerjaan yang dibenarkan sahaja serta membolehkan Kerajaan mengetahui jumlah PATI dalam negara bagi tujuan pemantauan dan memenuhi keperluan senario keselamatan semasa. Majikan dan PATI yang telah didaftarkan seterusnya perlu mendapatkan dokumen (Pasport) daripada pihak kedutaan yang berkenaan bagi membolehkan PATI tersebut diputihkan melalui program ini.

Pelaksanaan program ini akan dilakukan dengan berhati-hati dan terkawal supaya tidak berlaku kes-kes penipuan oleh individu-individu yang tidak bertanggungjawab yang cuba mengambil peluang untuk mengaut keuntungan daripada PATI. Bagi tujuan ini, Kerajaan mengenakan syarat-syarat yang ketat terhadap PATI dan Majikan untuk menyertai Program ini serta akan memastikan mana-mana PATI yang tidak layak akan dihantar pulang ke negara asal mengikut prosedur sedia ada iaitu Program 3 +1 bagi memastikan pengurangan lambakan PATI dalam negara.

Mana-mana Majikan yang didapati menggaji PATI tanpa berdaftar di bawah apa-apa Program yang berkuat kuasa sekarang ini akan dikenakan hukuman yang berat mengikut perundangan sedia ada melibatkan kesalahan menggaji PATI iaitu seperti mana tertakluk di bawah seksyen 55 (B) Akta Imigresen 1959/63 yang mengenakan hukuman denda tidak kurang RM10,000 tetapi tidak lebih RM50,000 atau penjara tidak lebih 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Berdasarkan statistik oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), jumlah pengeluaran E-Kad kepada pemohon dalam tempoh 15 Februari 2017 hingga 22 Mac 2017 adalah sebanyak 28,318 kad.